

09 JUN 2002

Mahathir-Switzerland/I (Bergambar)

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN RASMI KE SWITZERLAND

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

ZURICH, 9 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pada tengah hari Ahad untuk memulakan lawatan rasmi pertama beliau selama tiga hari ke Switzerland.

Seperti semua lawatan luar negaranya, lawatan Perdana Menteri ke negara "syurga" peluncur ski ini, yang juga terkenal dengan coklat dan jam tangannya, bertujuan mengukuhkan hubungan diplomatik dan meningkatkan hubungan kebudayaan dan ekonomi antara kedua-dua negara.

Switzerland, tuan rumah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Geneva dan pelbagai pertubuhan antarabangsa lain, telah memainkan peranan instrumental dalam arena antarabangsa terutama dalam mengatasi ketegangan di sesetengah negara di dunia.

Ia juga merupakan pusat bagi beberapa institusi kewangan terkemuka di dunia seperti Credit Suisse dan UBS.

Dr Mahathir tiba dari Rome di mana beliau bertemu Pope John Paul II di Vatican City pada Jumaat, iaitu lawatan pertama oleh perdana menteri Malaysia. Mereka membincangkan pelbagai isu seperti keganasan, konflik Palestin-Israel dan dialog antara budaya antara penganut Islam dan Kristian.

Dari lapangan terbang, perdana menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali diiringi ke Dolder Grand Hotel yang terletak dalam kawasan hutan pain di Gunung Zurich, di bahagian barat Sungai Limmat, yang menawarkan pemandangan berpanorama bandaraya ini hingga merentasi Tasik Zurich serta puncak Gunung Alpine.

Dr Mahathir memulakan jadual padat beliau di Switzerland dengan mengadakan pertemuan dan menghadiri jamuan bersama-sama 300 rakyat Malaysia di Zurich pada petangnya sebelum diraikan Marcel Ospel, pengerusi syarikat perbankan ternama Switzerland, UBS AG, dalam satu jamuan malam bersama-sama para eksekutif penting syarikat itu.

Pada Isnin, Dr Mahathir akan melawat pusat Sauber Petronas di Hinwill, kira-kira satu jam perjalanan dari sini.

Perkongsian Petronas dengan Sauber, syarikat teknologi kejuruteraan automotif Switzerland, bukan semata-mata bersandarkan kepada imej atau amalan jenama bagi syarikat minyak nasional itu.

Jalinan perkongsian itu lebih berperanan sebagai platform untuk menggalakkan penyelidikan dan pembangunan serta memelihara keupayaan teknologi asli dalam bidang kejuruteraan automotif dengan Petronas.

Perkongsian Petronas dengan Red Bull Sauber Holding dalam perlumbaan Formula Satu (F1), umpamanya, telah membawa kepada pembentukan entiti usaha sama dikenali sebagai Sauber Petronas Engineering AG yang akan memenuhi keperluan kejuruteraan Pasukan F1 Red Bull Sauber Petronas, yang memberikan sumbangan bermakna kepada pasukan itu dan mewujudkan nilai tambah bagi penajaan Petronas untuk pasukan itu.

Perkongsian itu juga bertujuan memperluaskan pangkalan pengetahuan dan kepakaran Petronas dalam teknologi enjin, minyak dan komposit minyak pelincir.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan kemudian menuju ke ibu negara Switzerland, Berne, di mana beliau dijadual mengadakan pertemuan dengan Kaspar Villiger, Presiden Persekutuan Switzerland yang juga Menteri Kewangan.

Ini disusuli oleh mesyuarat dua hala delegasi. Kedua-dua pemimpin dijangka bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu kepentingan bersama dua

hala, serantau dan antarabangsa.

Dr Mahathir dijangka menyatakan pendapat Kuala Lumpur mengenai keganasan selain membincangkan perkara-perkataan berkaitan dengan globalisasi, kerangka kewangan dunia, perdagangan dan kewangan serta perbankan.

Mengiringi Perdana Menteri pada perbincangan itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Shamsuddin Hitam dan Duta Malaysia ke Switzerland Datuk Abdul Kadir Deen.

Selepas mesyuarat itu, Dr Mahathir akan kembali ke Zurich untuk menghadiri jamuan Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA) meraikan sektor swasta Switzerland di mana beliau akan menyampaikan ucapan bertajuk "Meningkatkan Hubungan Ekonomi Malaysia-Switzerland".

Perdana Menteri kemudian akan diraikan oleh ketua pegawai eksekutif Credit Suisse, Lukas Muhlemann, pada satu jamuan malam.

Keesokannya, Dr Mahathir akan berlepas ke Geneva untuk menyampaikan ucapan pada Sesi ke-90 Persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) sebelum mengakhiri lawatan rasminya ke Switzerland.

Selepas itu, Perdana Menteri akan ke Luxembourg, satu lagi pusat kewangan Eropah, untuk memulakan lawatan rasmi dua hari.

-- BERNAMA

MFJ NAK HM